

# GEJALA TAKFIRISME DALAM GERAKAN EKSTREMISME AGAMA SEMASA

Rahimin Affandi Abdul Rahim

Mohd Anuar Ramli

Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli\*

*\*Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

## Abstrak

Gejala faham pelampau agama masa kini telah memberikan impak negatif terhadap citra Islam di peringkat global mahupun tempatan. Berideologikan takfirisme, kumpulan-kumpulan pelampau telah sewenang-wenangnya menghukum kafir terhadap semua pihak yang tidak menyokong perjuangan dibawa oleh mereka termasuk umat Islam. Hal ini secara langsung dan tidak langsung telah menimbulkan kekacauan dan ancaman keselamatan yang serius terhadap keamanan dunia. Justeru itu, kajian ini menganalisis fahaman takfir yang dianut oleh kumpulan pelampau untuk mengenal pasti epistemologi dan *world-view* mereka. Dengan menggunakan metodologi kajian kualitatif sepenuhnya, kajian dokumentasi dilakukan secara induktif dan komparatif terhadap data-data berkaitan golongan pelampau zaman awal dan juga semasa. Hasil kajian mendapati, sememangnya wujud persamaan ideologi yang dianut oleh Khawarij dan kumpulan pelampau semasa, khususnya dalam persoalan takfir. Selain itu, mereka juga mempunyai pelbagai persamaan lain seperti sifat permusuhan dan amalan tanpa batasan hasil daripada ideologi takfir yang dianut. Oleh itu, fahaman ini perlu dibanteras daripada akar umbi agar imej Islam sebagai agama keamanan dapat dipelihara.

**Kata kunci:** faham pelampau, takfirisme, nyawa, wasatiyyah, ideologi-balas

---

\* Penulis untuk dihubungi:

izzulsyahmi95@gmail.com

eISSN 2636-9257 ©Pusat Dialog Peradaban

### ***Abstract***

*The elements of religious extremism nowadays have produced negative impacts on the image of Islam globally and locally. Based on the ideology of takfirism, extremist groups have easily declared kafir against all those who do not support their agenda including the Muslims. This has caused chaos and serious security threat to the world security directly and indirectly. Hence, this study analyses takfirism professed by extremist groups to identify their epistemology and world-view. By using qualitative study methodology entirely, documentation study was conducted in inductive and comparative research from early history to current extremism data. The findings suggest that there exists ideological similarity embodied by the Khawarij and the current extremist groups, especially in the question of takfir. In addition, they also have various other similarities such as the nature of hostility and tyranny practices without limitation as a result of the ideological takfir. Therefore, this ideology must be eliminated from the roots so that the image of Islam as a religion of peace can be preserved.*

**Keywords:** *extremism, takfirism, life, moderation, counter-ideology*

### **Pengenalan**

Gejala takfirisme sentiasa berulang dalam sejarah peradaban Islam. Ia ekoran wujudnya kumpulan-kumpulan pelampau aliran kiri yang mengambil mudah dalam isu berkaitan dengan akidah umat Islam. Senario ini meninggalkan kesan yang negatif terhadap imej Islam sebagai agama perdamaian dan rahmatan lil-alamin. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan tentang ideologi takfir yang berlaku dalam sejarah awal Islam yang kemudiannya berkembang dalam bentuk aliran kini dengan pelbagai jenama umpama al-Qaeda dan ISIS. Aliran ini menggunakan pendekatan takfir terhadap penganut agama Islam yang tidak menyokong perjuangan mereka. Hasilnya, darah mereka yang ditakfirkan akan menjadi halal untuk dibunuh, malah pelbagai tindakan keganasan telah dilakukan oleh kelompok yang bertopengkan agama.

## Gejala Takfir dalam Sejarah Islam

Konsep takfir ialah tindakan menghukum pihak lain sebagai kafir. Istilah ini memberikan konotasi yang negatif hingga semua sarjana Islam tidak membenarkan diri mereka dikaitkan dengan istilah ini (Hassan, 2017). Jelasnya, ia bukanlah amalan Rasulullah SAW bahkan baginda telah menentang sifat melampau tersebut semasa hayat baginda (Abdullah & al-Sharif, 2002). Hal ini kerana, takfir boleh membawa implikasi buruk iaitu pihak yang dikafirkan akan dianggap sebagai sesat, terkeluar daripada Islam serta halal darah mereka untuk diperangi (al-Zuhaili, 1989). Realiti ini turut ditegaskan pengkaji Barat Hegghammer (2009) sebagai:

The delegitimising force of the term takfiri stems from the very controversial nature of the religious concept of takfir, which signifies the act of declaring a nominal Muslim an infidel. In classical Islamic jurisprudence, takfir is an extremely serious measure that can only be pronounced by qualified religious authorities under very specific circumstances. These restrictions are in place to prevent the privatisation and proliferation of the practice of excommunication among Muslims, which would lead to chaos or fitna (sedition). To the broader Muslim public, therefore, takfiri is a clearly pejorative term that connotes rebellion and extremism.

Dalam sejarah peradaban Islam yang awal, dapat dikesan beberapa peristiwa berunsur faham pelampau ini. Antaranya:

*Pertama*, kisah golongan Qurra, Dhu al-Khuwaysirah mengherdik Rasulullah kerana tidak puas hati dengan cara Rasulullah membahagikan harta rampasan perang Hunain. Beliau memberikan seratus ekor unta kepada al-Aqra' bin Habis dan Uyainah bin Harith. Beliau juga memberikan kepada beberapa orang daripada tokoh Quraisy dan ketua suku Arab lebih banyak daripada yang diberikan kepada yang lain. Melihat hal ini, Dhu al-Khuwaysirah dengan marah berkata: *“Demi Allah ini ialah pemberian yang tidak adil dan tidak mengharapkan wajah Allah.”* Pada masa generasi terbaik dan di hadapan manusia terbaik pula, ada seorang yang berani menuduh Rasulullah tidak berlaku adil. Mendengar kata-kata ini Rasulullah bersabda: *“Siapakah yang akan berbuat adil jika Allah dan rasul-Nya tidak berbuat adil? Semoga*

*Allah merahmati Musa. Dia disakiti lebih daripada ini, namun dia bersabar.”* (HR. Bukhari dan Muslim)

Rasulullah menerangkan bahawa akan muncul daripada keturunan orang ini kaum pelampau agama. Para ulama menyatakan generasi penerus Dzul Khuwaisirah ini, di zaman kemudiannya menjadi golongan Khawarij. Dalam hadis yang lain, Rasulullah menggambarkan ciri-ciri golongan ini: *“Sesungguhnya akan keluar daripada keturunan orang ini satu kaum; yang membaca Alquran, namun tidak melewati kerongkongnya. Mereka membunuh kaum muslimin dan membiarkan para penyembah berhala. Mereka akan keluar daripada Islam ini sebagaimana keluarnya anak panah dari buruannya. Jika sekiranya aku menemui mereka, pasti aku bunuh mereka seperti terbunuhnya kaum Ad.”* (HR. Bukhari dan Muslim)

Kedua, kisah tiga sahabat Rasulullah yang bertekad melakukan ibadah secara melampau. Secara jelas, benih sikap melampau ini pernah diperlihatkan tiga orang sahabat Rasulullah ketika mereka bertanya kepada Aisyah tentang ibadah beliau. Dicatatkan bahawa Aisyah menjawab tentang watak Rasulullah yang kuat beribadah. Ketiga-tiga sahabat tadi menjawab dengan tiga cabaran utama yang ingin mengamalkan ibadat mengatasi amalan Rasulullah. Pertama: *“Maka aku akan selalu solat malam dan tidak akan tidur.”* Kedua: *“Adapun aku, maka aku akan berpuasa sepanjang hari dan tidak akan berbuka.”* Dan yang ketiga berkata: *“Sedangkan aku tidak akan menikah selama-lamanya.”* Mendengarkan hal ini, Rasulullah melarang mereka melakukannya dan berkata, *“Sedangkan aku, maka aku solat malam dan tidur, berpuasa dan berbuka, dan menikahi wanita. Barangsiapa yang membenci Sunahku maka ia bukan daripada golonganku.”* (HR. Ahmad, Abd bin Humaid, Bukhari, Muslim, Nasa’i, dan Ibnu Hibban dari Anas bin Malik)

Hadis ini menerangkan tentang unsur wasatiyyah dalam melakukan taklif syarak. Ia boleh dianggap sebagai langkah proaktif Rasulullah agar umatnya tidak terjebak dengan tindakan melampau (*ghuluw*). Sebaliknya, Rasulullah menerangkan bahawa sifat takwa itu bukanlah dengan bersikap melampau, berlebihan atau meremehkan, tetapi ia harus disertakan dengan sikap yang seimbang terhadap pelbagai tuntutan syariah.

Ketiga, kisah golongan Khawarij yang dicatat oleh Syahrastani. Dicatatkan, mereka telah melakukan kezaliman

terhadap seorang sahabat Saidina Ali dengan cara membelah perut isterinya dan mengeluarkan janinnya. Setelah itu dalam keadaan pedang masih berlumuran darah, mereka memasuki kebun kurma milik seorang Yahudi. Pemilik kebun itu ketakutan lalu berkata: “*Ambillah seluruhnya apa yang kamu mahu.*” Ketua Khawarij itu menjawab: “*Kami tidak akan mengambilnya kecuali dengan membayar harganya.*” Apa yang boleh difahami adalah walaupun mereka mempunyai kesungguhan dalam beribadah; tetapi mereka menghalalkan darah umat Islam. Untuk itu mereka tidak segan-segan melakukan keganasan terhadap umat Islam sendiri (Afroni, 2016).

Daripada fakta gerakan Khawarij awal ini dapat dikesan beberapa perkara:

*Pertama*, memang telah ada golongan pelampau dalam pemahaman dan penghayatan Islam sejak awal lagi. Ia cuba dihapuskan oleh Rasulullah melalui konsep wasatiyyah yang didatangkan oleh wahyu yang bersesuaian dengan fitrah manusia.

*Kedua*, golongan pelampau (proto Khawarij) walaupun dikatakan kuat beribadat tetapi menghidap penyakit jahil dan kekeliruan ilmu (Abdul Rahim et al., 2018). Dirujuk pada epistemologi Islam, mereka telah melakukan beberapa kesalahan:

1. Tindakan mempertikaikan kewibawaan Rasulullah SAW. Dalam kerangka *world-view* akidah Islam, Rasulullah adalah maktum yang mendapat wahyu Allah, suatu hal ditegaskan dengan bukti qat'ie. Konsep ilmu dan iman Islam gagal difahami dalam aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Hal ini terserlah apabila status keimanan mereka pada Rasulullah gagal dijelmakan dengan tindakan yang sepatutnya menghormati keputusan Rasulullah (Adams, 2007).

2. Mereka terjebak dalam penyakit kekeliruan ilmu yang melahirkan penyakit bebal. Ia adalah sifat rohani yang lemah dan degil enggan berubah walaupun diberikan maklumat yang betul. Minda mereka tertutup dan menganggap diri mereka sahaja yang betul dan menafikannya kepada orang lain, walaupun berhadapan dengan Rasulullah dan Sahabat Rasulullah. Fakta sejarah mencatatkan bagaimana Khawarij enggan menerima pandangan Saidina Ali tentang sebab kenapa Majlis Tahkim dengan Muawiyah bin Abi Sufyan dilakukan. Bahkan lebih dahsyat lagi mereka telah

berkomplot membunuh Saidina Ali, *Pintu Ilmu Pengetahuan Islam* ini. Khawarij telah melakukan beberapa siri keganasan yang menumpahkan darah umat Islam. Tindakan ini telah menyebabkan Saidina Ali seorang yang tidak menyukai peperangan sesama Islam memerangi mereka habis-habisan dalam perang Nahrawan. Bahkan di akhir hayatnya, Ali telah berpesan kepada kedua puteranya: “*Berhati-hati dengan golongan sesat ini, yang akan merosakkan kesucian Islam dan zuriat mereka akan sentiasa ada di tulang sulbi ayah-ayah mereka.*” (Green, 2009)

*Ketiga*, Khawarij dicatatkan menggunakan epistemologi tafsiran Islam yang terlalu mudah dan literal. Akibatnya, mereka terjebak dalam pemikiran fanatik yang berbentuk legal formalistik; sikap suka menghukum orang lain sebagai salah. Khawarij memang bermasalah dengan pemahaman ilmu Islam. Bahkan ada kajian yang menunjukkan bagaimana golongan Khawarij ini merupakan saki baki penerus gerakan Nabi palsu, Musailamah al-Kazzab yang menentang ajaran Islam (Al-Makin, 2013). Atas dasar itu bagi sesetengah sarjana Islam, status keislaman Khawarij memang dipertikaikan (Najafabadi, 2014).

*Keempat*, sarjana Barat menyatakan golongan Khawarij ini melakukan protes terhadap sistem sosial yang wujud. Mereka menyatakan Khawarij awal ini membantah sistem kelas ulama Islam yang agak eksklusif. Untuk menjadi ahli dalam kelas ulama ini mesti mempunyai beberapa syarat yang ketat seperti terlibat dalam pembelajaran dalam suatu tempoh yang panjang, tindakan penyelesaian masalah berasaskan set formula dan etika Islam. Dalam hirarki masyarakat Islam, kelas ulama ini sangat penting. Ia terlibat dalam bentuk memberikan pendidikan, khidmat nasihat dan ketentuan fatwa apabila timbul sesuatu masalah. Golongan Khawarij membantah sistem kelas ini dan menganggap ia bersifat diskriminatif. Sebaliknya mereka percaya semua ahli masyarakat perlu diberikan kebebasan mutlak untuk bertindak tanpa kekangan ulama. Atas dasar itu pihak Barat mengiktiraf Khawarij sebagai pendokong konsep demokrasi terawal dalam sejarah dunia.

Jelasnya, golongan Khawarij telah menetapkan tiga asas takfir (Badar, 2017):

1. Sesiapa yang tidak bersetuju dengan tafsiran mereka dianggap kafir dan halal darah mereka.

2. Muncul konsep *Dar Harb* dan Islam, iaitu hanya kawasan yang dikuasai mereka sahaja yang dianggap sebagai Islam dan menafikannya pada pihak lawan.
3. Seseorang individu bebas menjalankan hukuman bunuh pada seseorang yang dianggap kafir atau murtad tanpa perlu melalui proses perbicaraan oleh badan undang-undang negara.

Syamsul Arifin (2014), seorang Sarjana Indonesia dengan berani menegaskan bahawa:

“Dalam konteks sejarah Islam, Khawarij yang disebut sebagai cikal bakal gerakan Islam yang muncul pada masa khalifah Ali bin Abi Thalib, memang tidak lagi digunakan sebagai nomenklatur gerakan Islam yang berhaluan keras. Tetapi doktrin yang pernah dikonstruksinya seperti *hakimiyah, hijrah, jihad, dar al-harb, takfir*, masih dianut secara kokoh sebagai basis ideologis dan gerakan organisasi Islam radikal sampai pada era kontemporer saat ini. Boleh dikatakan, perkembangan Islam radikal yang tetap eksis hingga kini pada dasarnya merupakan kelanjutan (*continuity*) meskipun pada beberapa bagian tertentu terdapat perubahan (*change*) dari sejarah radikalisme yang dimulai oleh Khawarij. Watak keabadian yang menyertai perkembangan radikalisme Islam, bukan melulu karena alasan keagamaan, tetapi disebabkan oleh pertautan beberapa faktor lain.”

### **Pengaruh Takfir dalam Gerakan Faham Pelampau Semasa**

Pada dasarnya, golongan pelampau semasa turut membahagikan masyarakat Islam dan musuh mereka kepada empat jenis (Hafez, 2010). *Pertama*, pemerintah *taghut* daripada kalangan umat Islam yang tidak menjalankan dan enggan menerima pakai sistem syariah Islam. Mereka bukan lagi tergolong dalam kategori umat Islam dan jenayah utama mereka adalah menentang serta menzalimi penganut Islam yang ingin melaksanakan syariah Islam dalam kehidupan bernegara. *Kedua*, golongan murtad yang menentang prinsip *al-Wala' Wa al-Bara'* (taat kepada Islam dan membebaskan diri daripada golongan Kafir). Mereka bekerjasama dengan kuasa kafir

luar. Ia terdiri daripada anggota keselamatan, kakitangan kerajaan, polis dan semua pihak yang ingin mengekalkan kerajaan *taghut* sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. *Ketiga*, golongan sesat dan musyrik yang melanggar prinsip tauhid yang dibawa oleh ulama ortodoks Sunni. Terpenting, ia bertentangan dengan apa-apa yang dibawa oleh golongan Salafi dan Wahhabi. Label ini diberikan khusus kepada golongan Syiah dan Baha'i di Iran, Ahmadi di Pakistan dan Sufi di kebanyakan dunia Islam. *Keempat*, penganut Islam sejati yang menyokong usaha golongan pelampau. Mereka juga tidak menyokong pemerintah *taghut* dan menjauhkan diri daripada terpengaruh dengan aktiviti kebudayaan barat. Golongan ini merujuk kepada masyarakat Sunni di kebanyakan dunia Islam.

Bagi golongan pelampau ini, kaedah terbaik untuk menangani golongan pertama adalah dengan memerangi mereka habis-habisan sesuai dengan ayat al-Quran 5:44 sebagai hujah utama mereka. Mereka perlu diarahkan untuk bertaubat daripada kesalahan itu dan mengubah dasar negara, seandainya gagal berbuat demikian, status kafir akan dikenakan. Akibatnya, golongan pertama ini akan dihukum bunuh tanpa belas kasihan. Bahkan, menjadi tanggungjawab agama untuk mengisytiharkan kekafiran mereka. Kegagalan berbuat demikian menjadi dosa besar.

Untuk golongan kedua dan ketiga, terdapat tiga pandangan utama. *Pertama*, perlu mengelakkan mengkafirkan kedua golongan ini walaupun mereka dilihat cenderung menyokong golongan *taghut*. Usaha penyiasatan rapi perlu dilakukan sebelum proses takfir mahu dilakukan. *Kedua*, dibolehkan untuk mengkafirkan mereka secara umum kerana menyokong pemerintah *taghut* dan kuasa kafir. Bahkan status mereka dianggap sama sahaja sepertimana kuasa *taghut* terbabit. Lebih melampau lagi, ia menegaskan bahawa sesiapa sahaja yang menyokong kuasa *taghut* dan kuasa asing dianggap sebagai kafir dan dibenarkan membunuh mereka. Mangsa yang penting ialah golongan Syiah yang tidak berhak mendapat perlindungan sepertimana diberikan kepada golongan Sunni.

### **Implikasi Gejala Takfir**

Kajian penyelidikan keganasan moden mendapati ideologi al-Qaeda berpusat pada konsep *Takfir*, *Hakimiyah*, *Hijrah*, *Jihad*, *Dar al-*



*Harb dan Dar al-Islam*. Ia telah menjadi intipati utama gerakan Al-Qaeda. Mereka semakin kuat menyebarkan ideologi takfir ini yang menggambarkan bagaimana citra Islam yang negatif kepada lawan yang bukan Islam dan sesama Islam sendiri (Anthony, 2002).

Apabila Farrag (2000) mengisytiharkan pemerintah Mesir sebagai kafir, beliau menegaskan mereka telah murtad kerana bersekongkol dengan bekas kuasa kolonial (kafir). Mereka tetap berstatus kafir walaupun bersembahyang, berpuasa dan menganggap diri sebagai Islam. Hasilnya, beliau berpendapat sesiapa sahaja yang tidak melaksanakan syariah Allah telah syirik dan jihad wajib dilakukan untuk menjatuhkan mereka. Tindakan Farrag yang terlalu mudah mengkafirkan lawannya persis menyerupai pendekatan Khawarij pada zaman awal Islam. Atas dasar itu, kumpulannya iaitu *Takfir wal Hijrah* dilihat memang menimbulkan banyak masalah di dalam masyarakat Mesir.

Sehubungan itu, pendekatan takfir juga diaplikasikan oleh gerakan Al-Qaeda (Brooke, 2008). Konsep jahiliah moden yang dibawa oleh sarjana seperti Syed Qutb dimanipulasi oleh Al-Qaeda yang meyakini pemerintah Islam yang tidak menjalankan syariah Islam wajib dihapuskan melalui kaedah kekerasan. Dalam soal ini, Bellerose menegaskan (2015):

“They expand on the theory of *takfir* to the point where almost everyone is considered *kufir*. He based his version on the Prophet words: ‘When a man calls his brother an infidel, we can be sure that one of them is indeed an infidel’. Following these words, those who support Dr. Fadl views believe they have ‘a divine right to kill those who disagree with their warped view of what constitutes a Muslim’. The “Compendium” gave Al Qaeda and its allies a warrant to murder all who stood in their way. As such, many supporters classify as apostates those who are engaging or supporting the War on Terror on Muslim lands such as in Afghanistan and Iraq. In order to justify the killing of people, groups like AQ are adding the Quranic verse 2:194 to these references: ‘So whoever has assaulted you, then assault him in the same way that he has assaulted you. And fear Allah and know that Allah is with those who fear Him’. The verses are binding to ‘punishments for infidels, for the licentious Muslims, and for oppressors’. This narrative is borrowed to the

extreme by *Al-Takfir wa'l Hijra*, which considers a *kafir* anyone who refuses to be part of this group as an enemy of God.”

Tambahnya lagi:

“Almost every Islamic radical group has a clear target that they identify as *kufir* the rulers in the Middle East, the Jews, the Christians and the Americans. Zawahiri defines the ‘governments ruling over Muslim lands to be illegitimate and apostate [...] and any persons collaborating or engaging with those entities’. In his publication *The Basis of Loyalty and Separation in Islam*, he goes further and bans mixing with the unbelievers because their place is in hell. On the other hand, bin Laden perceived the *takfir* concept very broadly with a special attention placed on the crusader-Zionist alliance. Involved in this coalition are pagans that need to be fought ‘until there is no more tumult or oppression, and justice and faith in God prevail’. As for AQI leader Zarqawi, he was trained and educated by *takfiri* in a warfare environment. He saw politicians, the Shiites Muslims, police, military and anybody ‘collaborating with the government security apparatuses and especially those working with U.S. forces deemed traitors’. In the context of the Gulf War, the War on Terror and other Middle East internal conflicts, the concept gained in importance. Its original theological signification was not assessed extensively but Islamist radicals were able to take advantage of the situation. Many more young people joined jihadist groups in order to fight the *kufir* and recently, a similar discourse attracted them to ISIS.”

Lebih parah lagi, ideologi takfir ini telah ditiru sepenuhnya oleh ISIS. Ia termasuk dasar yang mengkafirkan semua umat Islam yang enggan menerima autoriti ISIS. Ia telah menjadi tema utama Abu Bakr Al-Baghdadi semasa pengisytiharannya sebagai Khalifah ISIS (Bellerose, 2015). Menurut ISIS, muslim yang melakukan baiah terhadap mereka akan terselamat, manakala sesiapa yang menentang akan diisytihar murtad dan layak dibunuh (*Dabiq* 15, 27). Bagi ISIS, mereka membawa undang-undang Allah yang sebenar. Oleh yang demikian, sesiapa juga yang menentang secara automatik akan menjadi kafir (*Dabiq* 10, 50). Oleh yang demikian, penentangan pihak kafir seluruh dunia dinamakan tentera Salib dan pihak muslim yang bersekongkol ialah Perang Ahzab zaman baru (*Dabiq* 2, 10).

Selain daripada itu, ISIS juga secara mudah menghukum bidaah serta mensyirikkan amalan-amalan masyarakat Islam. Mereka menganggap ziarah kubur khususnya ziarah makam wali Allah adalah syirik dan sesiapa yang melakukannya dianggap telah terkeluar daripada Islam. Walaupun seseorang itu mengucapkan kalimah tauhid, dia dianggap masih syirik jika bertawassul ketika berdoa (*Dabiq* 2, 10). Mereka memperakui tentang tanggungjawab mereka untuk membasmi sebarang unsur bidaah dan syirik dalam kalangan masyarakat Islam (*Dabiq* 3, 17). Justeru, mereka telah memusnahkan makam para Nabi termasuk juga makam-makam wali Allah dan tokoh agama untuk mengelakkan amalan yang dikategorikan mereka sebagai syirik dan kafir.

Tindakan keganasan yang diamalkan oleh gerakan al-Qaeda, ISIS dan kumpulan seumpamanya telah membantu pihak Barat dalam menonjolkan citra negatif Islam kepada masyarakat dunia. Schmid (2014) telah memberikan 20 penunjuk faham pelampau berasaskan agama, di mana boleh dikatakan kesemuanya dimiliki oleh gerakan al-Qaeda, Jemaah Islamiyyah dan ISIS. Ia termasuklah mengasingkan diri mereka di luar arus perdana, berusaha untuk menggulingkan kerajaan dengan bantuan pelopor revolusioner, menolak hak asasi manusia sejagat dan menunjukkan kekurangan empati dan mengabaikan hak-hak selain daripada rakyat mereka sendiri, menolak prinsip-prinsip demokrasi berdasarkan kedaulatan rakyat, menolak hak sama rata untuk semua, terutama golongan wanita dan minoriti; secara aktif mengesahkan dan memuliakan penggunaan keganasan untuk melawan apa yang mereka anggap "jahat" dan mencapai matlamat politik mereka dan seumpamanya.

Selain itu, kegiatan gerakan pelampau lebih ditumpukan kepada peperangan. Ini menyebabkan mereka terjebak dalam masalah kejahilan dan kekeliruan ilmu. Ia akibat tidak terdidik dalam dunia ilmu. Sebaliknya, mereka lebih menghabiskan masa dengan perjuangan jihad tanpa bekalan ilmu Islam yang mencukupi. Hal ini dapat dilihat daripada tokoh-tokoh al-Al-Qaeda seperti Ayman al-Zawahiri, Abu Mus'ab al-Zarqawi dan Djamel Zitouni; kesemuanya mendapat pendidikan Islam yang amat minimum (Drennan, 2008). Apa yang jelasnya, walaupun asas gerakan Al-Qaeda dikatakan berteraskan kepada fahaman salafi-jihadi yang

menekankan usaha melakukan ijtihad dan menentang taklid mazhab tetapi hal ini memang diabaikan oleh Al-Qaeda. Program ilmu yang hanya boleh dilakukan melalui penyelidikan ilmiah (ijtihad) langsung tidak ditekankan. Sebaliknya, mereka terlibat dalam fenomena taklid buta apabila setiap ahli diwajibkan berpegang pada program indoktrinisasi yang ditetapkan oleh al-Qaeda (Aaron, 2008).

Secara asasnya, implikasi fahaman takfir ini yang telah ditentang habis-habisan oleh ulama silam terbukti betul. Ia dinilai daripada watak pelampau moden (Al-Qaeda dan ISIS) yang keras, yakin, penuh bangga dan tanpa penyesalan dengan akibat perbuatan mereka. Hal ini kerana mereka langsung tidak menghargai sifat kasihan belas kepada sesama manusia, khususnya orang bukan Islam yang dianggap sebagai musuh abadi umat Islam (Abdul Razak, 2018).

Mengikut analisis Hassan (2017), bagi ISIS, status kekafiran itu berlaku apabila:

1. Seorang muslim yang melakukan dosa besar.
2. Pemimpin dan rakyat yang tidak menjalankan syariah.
3. Mana-mana golongan yang bukan menjadi ahli ISIS.
4. Golongan yang enggan melabelkan kafir pada musuh ISIS.
5. Orang Islam yang tinggal di *Dar Harb* dan enggan berhijrah ke *Dar Islam* di bawah kekuasaan ISIS. Golongan Kristian dan Yahudi dianggap sebagai kafir, dan bukannya sebagai Ahli Kitab kerana hubungan mereka dengan kuasa kolonialisme barat dan Zionisme. Mereka dipandang sebagai rakan rapat dalam sebuah konspirasi Yahudi-Kristian melawan Islam dan dunia Islam.
6. Mereka mewujudkan fahaman berbentuk binari (wujud musuh yang saling bertentangan: *Dar al-Harb* dan *Dar al-Islam*). *Dar al-Harb* ialah musuh mutlak Islam. Mereka memusuhi semua perkara baru yang datang dari barat. Barat dianggap sebagai *Dar al-Harb* yang wajib diperangi dan dilakukan keganasan yang mengorbankan nyawa penduduk dan aset masyarakat. Mereka sangat menggalakkan pengikut mereka memusuhi dan memerangi semua unsur yang berkaitan dengan barat (Kippe, 2010).
7. Generasi muda Islam digalakkan untuk terlibat dalam memerangi golongan kafir sebagai antitesis kepada

golongan Islam, yang dikatakan bakal memperoleh status mati syahid seandainya sanggup mengorbankan dirinya dalam pengeboman berani mati.

Berdasar tiga rujukan asas gerakan ISIS yang dibuat secara dalam talian: *`Aqidah Wa Manhaj Al-Dawlah Al-Islamiyah Fi Al-Takfir, Muqarrar Fi Al-Tawhid Li Al-Mu`askarat* dan *Hazih `Aqidatuna Wa Haza Manhajuna*, golongan kafir terdiri daripada (Hassan, 2017):

1. Penganut mazhab Syiah dan orang yang enggan mengkafirkan mereka.
2. Parti politik berasaskan fahaman nasionalisme, komunis dan demokrasi serta semua yang terlibat.
3. Kerajaan yang tidak mengamalkan syariah termasuk semua anggota pentadbirannya.
4. Rakyat awam dan golongan yang terlibat dalam pentadbiran undang-undang sivil buatan barat.

Di Malaysia, pendekatan takfir yang disertakan dengan sifat yang tiada belas ihsan turut dikesan. Pada 23 Jun 2016, suatu video yang bertajuk *Thogut*, seorang ahli Daesh berasal dari Malaysia yang dikenali sebagai Mohd Rafi memberi kenyataan yang sangat menggemparkan. Ia ditujukan khas kepada masyarakat Islam di Malaysia: *“bunuh mereka di mana sahaja yang anda jumpa. Jika anda ada kereta, langgarlah mereka. Gunakan senjata dan pisau untuk tikam terus dada mereka. Ia juga memberi amaran kepada polis Malaysia; kepada anda yang ada di Bukit Aman, anda tidak lagi aman. Kami bersedia untuk sembelih anda. Apabila kami datang, rakan-rakan kami di negara ini juga akan memburu anda habis-habisan.”* (Jani, 2017)

Kesan buruk terbesar konsep takfir ini ialah ia menjadikan seseorang itu fanatik melampau. Apabila seorang itu yakin bahawa pegangannya bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, maka ia dianggap sebagai kebenaran mutlak. Ditambah pula dengan kejahilan memahami teks secara literal, maka ia menafikan hak kebenaran pada orang lain (Green, 2009).

Ironinya, konsep takfir ini langsung tidak disertakan dengan akhlak yang baik. Ia biasa terjadi kerana tiadanya kefahaman mendalam dalam bidang akhlak dan tasawuf. Terpenting, ia

didorong dengan tiadanya kefahaman dan keinginan mendalami hujah pihak lawan secara adil. Kalaupun ada hujah pihak lawan yang dinilai, mereka bebal kerana hanya menggunakan *world-view* sendiri.

Contoh terbaik untuk memperlihatkan sifat fanatik ini boleh dilihat kepada pelbagai bentuk kekejaman yang dilakukan oleh ISIS terhadap tahanan perang (Mudaris, 2017). Sepertimana dilaporkan oleh Amnesty International (2013) dan the Human Rights Council (HRC) (2013), ISIS telah melakukan:

1. Pembunuhan tahanan perang secara rawak. Ia ialah bentuk balas dendam bagi kematian ahli ISIS dalam sesuatu peperangan (Prothero, 2014).
2. Pembunuhan tahanan tanpa dibicarakan secara adil. Ada kes bagaimana tahanan dipaksa mengaku kesalahan mereka sebelum dibunuh: *Amnesty International reported that there were captured members of insurgents who fought against ISIS were put to trial before executed. However, these trials lasted less than a minute, and did not give fair opportunity for the captive to respond to the allegations* (Amnesty International, 2013). Ia termasuk tahanan sesama ahli sendiri yang dibuat berdasarkan pengakuan satu pihak sahaja. Hal ini berlaku dalam kes Sayyed Al-Hadrami ketua Jabhat Nusra sekutu ISIS sendiri hanya kerana pengakuan lawannya yang menuduh Sayyed Al-Hadrami telah murtad dengan menyokong pihak musuh (Syrian Observer, 2014). ISIS dalam tindakannya mendakwa berpegang pada pandangan ulama silam, Ibn Nuhas yang membenarkan tahanan perang dibunuh atas budi bicara ketua gerakan Islam (Bhatt, 2014). Namun begitu, kesemua kes-kes ini langsung tidak melalui proses perbicaraan yang adil sepertimana ditetapkan oleh syariah Islam. Bahkan ISIS terkenal sebagai gerakan pelampau yang amat suka mengambil jalan mudah dengan membunuh semua tahanan perang bagi menjimatkan kos dan masa.
3. Penyeksaan melampau terhadap tahanan perang. Ia membabitkan tindakan memukul, mencabut kulit dan kuku, penggunaan seksaan elektrik, disalibkan dan pengurungan

dalam bilik tanpa diberikan makanan dan minuman (Amnesty International, 2013).

## Penutup

Tuntasnya, dapat ditegaskan bahawa ideologi takfir amat buruk impaknya terhadap umat Islam apabila ia disalahgunakan. Sepanjang sejarah peradaban Islam, ideologi ini digunakan untuk menjustifikasi tindakan *self truth claim* bagi menindas pihak lawan. Walaupun begitu, ideologi ini secara evolusinya telah berkembang dari semasa ke semasa. Pada awalnya berwajahkan gerakan Khawarij hingga kini berkembang kepada pelbagai gerakan seperti al-Qaeda dan ISIS. Golongan ini telah memanipulasi pandangan-pandangan sarjana silam mengikut tafsiran secara literal dan kefahaman yang keras bagi mengabsahkan tindakan ganas mereka. Atas sebab itulah para ulama kontemporari menentang keras ideologi takfir di dalam masyarakat Islam di samping mereka tegas dengan pendekatan kesederhanaan (*wasatiyyah*) dalam mengimbangi kehidupan beragama dan bermasyarakat.

## Penghargaan

Dapatan ini sebahagian daripada hasil penyelidikan geran FRGS FP031-2016, “Pembinaan Model Wasatiyyah dalam Menangani Gejala Ekstremisme Agama di Malaysia” yang dianugerahkan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPM di atas penganugerahan geran ini sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan.

## Rujukan

“A Call to Hijrah.” *Dabiq* 3, 10 September 2014.  
<https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-3-the-call-to-hijrah.pdf>.

“Break the Cross.” *Dabiq* 15, 31 Julai 2016.  
<http://clarionproject.org/wp-content/uploads/islamic-state-magazine-dabiq-fifteen-breaking-the-cross.pdf>.

“The Flood.” *Dabiq* 2, 27 Julai 2014.  
<https://clarionproject.org/docs/isis-isis-islamic-state-magazine-Issue-2-the-flood.pdf>.

“The Law of Allah or the Laws of Mens.” *Dabiq* 10, 13 Julai 2015.  
<http://clarionproject.org/wpcontent/uploads/Issue%2010%20%20The%20Laws%20of%20Allah%20or%20the%20Laws%20of%20Men.pdf>.

Aaron, D. (2008), *In Their Own Words : Voices Of Jihad : Compilation And Commentary*, RAND Corporation.

Abdullah, N.I. & al-Sharif, A.M.A., (2002). *Hurmah al-Ghuluw fi al-Din wa Takfir al-Muslimin*. Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami.

Abd Razak, M.I, “Isu-isu Wanita Dalam Fiqh Jihad Kumpulan Ekstremisme Agama: Kajian Terhadap Majalah Dabiq Dan Kaitannya di Malaysia”, Tesis PhD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abdul Rahim, R.A., Abdul Razak, M.I, Ramli, M.A., Hj. Kahal, S.M., Ratha, R.A.M. & Zulkepli, M.I.S., (2018), Psikologi Terrorisme Agama: Antara Bebalisme Dan Fanatisme, *Jurnal Wasatiyyah Malaysia*, 1(1), 95-115.

Abu Fadl, K. (2007), *The Great Theft: Wrestling Islam From The Extremists*, New York: Harper.

Adams, C. (2007). ‘Kufr’ in *The Oxford Encyclopaedia of the Modern Islamic World*, ed. by John L. Esposito, Oxford: Oxford University Press.



- Afroni, S. (2016). "Makna *Ghuluw* dalam Islam: Benih Ekstremisme Beragama." *Wawasan: Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya* 1(1): 74-75.
- Al-Makin (2013), From Musaylima To The Kharijite Najdiyya, *Al-Jami'ah*, 15(1): 35-53.
- Al-Zuhaili, W., (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Dimashq: Dar al-Fikr.
- Amnesty International. (2013). Rule Of Fear: ISIS Abuses In Detention In Northern Syria. Dicapai pada 20 Disember 2018 di <https://www.amnesty.org/download/Documents/16000/mde240632013en.pdf>
- Badar, M. (2017), The Radical Application Of The Islamist Concept Of Takfir, *Arab Law Quarterly* 31, 132-160.
- Bellerose N.J. (2015), "ISIS Versus Other Jihadist Groups: The Difference In The Interpretation And The Narrative Based On Five Islamic Concepts", Master of Arts Terrorism, Security and Society.
- Bhatt, C. (2014), "The Virtues of Violence: The Salafi-Jihadi Political Universe". *Theory, Culture & Society*. 31(1): 25-48.
- Brooke, S. (2008), "Jihadist Strategic Debates before 9/11," *Studies in Conflict & Terrorism*, 31(3): 201-226.
- Drennan, S. (2008). "Constructing Takfir: From Abdullah Azzam to Djamel Zitouni". *CTC Sentinel*, 1(7) : 1-4. Dicapai pada 20 Disember 2018 di <https://www.ctc.usma.edu/posts/constructing-takfir-from-abdullah-azzamto-djamel-zitouni>
- Farrag, M.A.S. (2000), *The Neglected Duty*. Birmingham, UK: Maktabah Al Ansar Publications.

- Green, C.A. (2009), “The Khawaarij And The Creed Of Takfeer : Declaring A Muslim To Be An Apostate And Its Effects Upon The Modern Day Islamic Movement”, Tesis Sarjana, University Of South Africa.
- Hafez, M.M. (2010), “Tactics, Takfir, And Anti- Muslim Violence”, (eds.) Assaf Moghadam and Brian Fishman, *Self-Inflicted Wounds: Debates And Divisions Within Al- Qa’ida And Its Periphery*, Harmony Project Combating Terrorism Center at West Point.
- Hassan, M. H. (2017), “The Danger of *Takfir* (Excommunication): Exposing IS’ Takfiri Ideology”, *Counter Terrorist Trends and Analyses*, 9(4): 3-9.
- Hegghammer, T. (2009), “Jihadi Salafis or Revolutionaries: On Religion and Politics in the Study of Islamist Militancy”, dalam R Meijer (ed), *Global Salafism: Islam's New Religious Movement*, London: Columbia University Press.
- Human Rights Council. (2013). “Oral Update of the Independent International Commission of Inquiry on the Syrian Republic”. Dicapai pada 20 Desember 2018 di [https://www.ohchr.org/Documents/HRBodies/HRCouncil/CoISyria/PeriodicUpdate11 March 2013\\_en.pdf](https://www.ohchr.org/Documents/HRBodies/HRCouncil/CoISyria/PeriodicUpdate11 March 2013_en.pdf)
- Jani, M.H. (2017), “Counter Terrorist Trends And Analyses”, *Journal Of The International Centre For Political Violence and Terrorism Research*, 9(1): 18-19.
- Kippe, G.R. (2010), “Jemaah Islamiyyah : Reevaluating The Most Dangerous Terrorist Threat In Southeast Asia”, Tesis Sarjana, Naval Postgraduate School.
- Mudaris, F. (2017), “A Comparisson Between International Humanitarian Law And Islamic Laws Of War: The Islamic State Of Iraq And Sham (ISIS) And Treatment Towards Prisoners Of War In Syria”, Tesis Sarjana, International Law Program of the University of Edinburgh.

- Najafabadi H.M. (2014), "Application Of Theory Of Social Forces: A Case Study Of Khawarij During The Reign Of Hazrat Ali", *International Journal Of Social Science And Education*, 4 (4):772-780.
- Prothero, M. (2014). "Al-Qaida"s ISIS Takes 2 Syrian Cities, Executes Scores of Rivals". Dicapai pada 20 Disember 2018 dari <http://www.mcclatchydc.com/2014/01/13/214335/al-qaidas-isis-takes2-syrian.html>
- Schmid A.P. (2014), *Violent And Non-Violent Extremism: Two Sides Of The Same Coin?*, ICCT Research Paper, The Hague.
- Syamsul Arifin (2014), "Multikulturalisme Dalam Skema Deradikalisasi Paham Dan Gerakan Keagamaan Radikal Di Indonesia", *Proceeding Annual International Conference On Islamic Studies AICIS) XIV*. STAIN Samarinda, 162-193.
- The Syrian Observer (2014). "ISIS Kills Nusra Front Emir in Raqqa". Dicapai pada 20 Disember 2018 di <http://www.syrianobserver.com/News/News/ISIS+Kills+Nusra+Front+Emir+in+Raqqa>.